

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 22 BILANGAN 2

RABU 12HB. JANUARI, 1977.

1397 رابو 21 محرم

PERCHUMA



Y.A.M. Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Hj. Abd. Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

BELIA2 DI-SERU SELARASKAN KEGIATAN2 DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Para belia di-negeri ini di-seru supaya menyesuaikan kegiatan2 mereka selaras dengan pembangunan negara dengan sikap dan peranan yang positif pada memupok dan mengujudkan badan belia yang bertanggungjawab, berdisiplin dan dinamik dalam bekerjasama dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Mereka juga di-ingatkan agar menamakan semangat dan konsep hidup 'sayangkan diri sendiri' sa-bagai tenaga muda yang mempunyai sikap yang progressif dalam melakukan sa-suatutindakan.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz telah bersabda demikian dalam sabda ucapan ketika merasmikan Seminar Pimpinan Belia yang berlangsung di-Dewan Pusat Belia anjoran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dengan kerjasama Majlis Belia2 Negeri Brunei di-sini pagi hari Ahad lalu.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Aziz sa-terus-nya bersabda para peserta haruslah menekankan unsur2 yang bertanggungjawab yang akan di-laksanakan

dalam beberapa bidang dan jurusan yang tertentu.

Mereka haruslah bertanggungjawab pada diri sendiri, keluarga, sa-sama jiran, sama2 membangun ekonomi bangsa dan negara, dan patoh kepada ajaran2 Uagama dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala, sabda Yang Amat Mulia itu lagi.

Belia yang tidak bertanggungjawab, jelas Yang Amat Mulia itu, ada-lah belia yang menchuaikan tanggungjawab-nya yang boleh membawa kerosakan dan perpechahan.

"Oleh kerana itu konsep sayangkan diri sendiri haruslah di-pupok dan di-tanamkan kepada diri sendiri supaya tindak-tandok para belia itu akan sentiasa bertanggungjawab dan menurut batas2 yang telah di-tentukan oleh Uagama dan Undang2," sabda Yang Amat Mulia lagi.

Dalam kita menemopoh hidup sa-hari2, para belia ada-lah terdedah oleh pengaruh dan unsur2 yang tidak sehat yang tidak sesuai dengan keadaan dan kebiasaan hidup kita di-Brunei ini. Kerana itu, Yang Amat Mulia itu mengingatkan para belia, haruslah berhati2 dalam mengambil dan menekankan kemajuan2 moden yang bersifat ke-

Lihat muka 4

UNDANG2 LALU-LINTAS DI-KETATKAN — Peguam Negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemandu2 dan tuan2 punya kenderaan yang melakukan kesalahan lalu-lintas yang membenarkan penggunaan kenderaan-nya, bagi maksud lain, bertentangan dengan lesen kenderaan yang di-pegang-nya dan jika di-dapati thabit kesalahan-nya boleh di-hukum denda yang tidak lebih \$1,000.

Tertaklok kepada sharat2 bahagian Bab 54 pula, tidak sesiapa pun di-bolehkan di-atas mana2 jalanraya di-dalam mana2 kawasan yang di-ator-kan, menggunakan sa-sebuah kenderaan bermotor untuk di-gunakan sa-bagai kenderaan perkhidmatan awam, melainkan ia-nya pemegang lesen yang sah yang telah membenarkan penggunaan sedemikian; jika thabit kesalahan-nya hukuman penjara sa-lama 6 bulan atau denda tidak lebih \$2,500 atau kedua2-nya.

Rang Pindaan Lalu-lintas yang terbaharu ini telah di-bentangkan oleh Peguam Negara. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Kanun Diraja, Dato Laila Utama Awang Idris Talog Davies dan di-luluskan oleh sidang Majlis Mashuarat Negeri Brunei, dalam persidangan-nya yang baru lalu.

Yang Berhormat Peguam Negara menyatakan bahawa pengalaman telah

menunjukkan betapa perlu-nya kuasa undang2 tersebut itu di-berikan kepada pihak2 yang berkuasa untuk menjalankan kewajipan mereka itu.

Kata-nya, ada-lah di-fikirkan supaya pindaan telah di-buat kepada Undang2 Lalu-lintas Jalanraya 1954, untuk melarang penggunaan kenderaan tidak berlesen serta penggunaan sa-sebuah kenderaan sa-chara melanggar undang2.

Undang2 yang sa-umpama-nya ini juga, kata beliau, telah di-laksanakan di-beberapa buah negara seperti United Kingdom dan Singapura.

Ada-lah juga di-fahamkan bahawa pindaan yang di-lakukan itu menghendaki tuan2 yang empunya kenderaan bermotor yang melakukan kesalahan itu supaya memberikan ma'alumat berkenaan dengan perihai diri, alamat, lesen memandu dan jika ia-nya gagal di-berikan dalam tempoh 7 hari, maka ada-lah menjadi kesalahan di-bawah undang2 ini.

Ia-nya juga menjadi kesalahan dalam undang2 ini jika ma'alumat2 yang di-kehendaki itu di-dapati tidak benar dan mengelirukan.

Ketika perbahasan di-buka kepada ahli2 Dewan Majlis, ada di-antara-nya mensifatkan undang2 tersebut sa-bagai ganjaran kepada pemandu2 yang mem-



Y. B. Pehin O.K. Laila Kanun Diraja Dato Laila Utama Awang Idris Talog Davies.

buat penyelewengan dan lari bersembunyi sa-telah melakukan kesalahan.

Terdapat juga pendapat menyarankan undang2 itu sa-bagai membasmi pemandu2 liar, tidak bertanggungjawab, tidak bertimbang rasa dan kelalai-an serta kechuaian2.

Menurut mereka, kebanyakan kemalangan jalanraya tidak dapat di-kesan kerana pihak yang terlibat tidak memberikan kerjasama dan kejayaan pelaksanaan undang2 ini nanti ada-lah bergantung kepada kerjasama pengguna2 jalanraya.

Di-benarkan utk. di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan Brunei minggu ini telah mengeluarkan kenyataan bahawa tiga lagi jenis makanan (ikan) yang di-tinkan telah di-benarkan penjualan-nya kepada orang ramai di-negeri ini.

Pelita Brunei di-fahamkan bahawa ikan2 dalam tin yang bertanda seperti: Cheery Star, King Cup dan Three Diamonds yang banyak mengandongi bahan2 yang berachun dan penjualan-nya telah di-haramkan oleh Kerajaan di-seluruh negeri baru2 ini.

Bagaimana pun contoh2 ikan2 tersebut yang telah di-kirimkan ka-Jabatan Perkhidmatan Saintifik Singapura untuk kajian mendapati bahawa ikan2 yang bertanda seperti itu ada-lah selamat untuk di-makan. Oleh yang demikian ia-nya sekarang boleh di-jual kepada orang ramai.

PELITA BRUNEI

12HB JANUARI, 1977

Keamanan, ketenteraman puncha kemajuan

TELAH berkali2 di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, betapa mustahak-nya keamanan, ketenteraman serta keselamatan negara Brunei Darus Salam ini patut dipelihara oleh semua lapisan raayat dan penduduk di-negeri ini.

Di-pembukaan rasmi persidangan Majlis Mashuarat Negeri baru2 ini Baginda bertitah bahawa sesuatu rancangan kemajuan itu tidak akan dapat di-laksanakan sekira-nya tidak terdapat suasana aman tenteram dalam negeri. Dengan kesedaran ini, Kerajaan Kebawah Duli Baginda Yang Dipertuan, dengan izin Allah, akan sanggup membelanjakan berjuta2 ringgit semata2 untuk memperkukuhkan keselamatan Negeri Brunei dan untuk menjamin ketenteraman supaya raayat dan penduduk di-negeri ini akan terus hidup tanpa gangguan dari anasir2 jahat. Dan segala tambahan terhadap perbelanjaan2 keselamatan ada-lah semata2 ditujukan untuk usaha menjamin keselamatan Negeri Brunei Darus Salam.

Dalam perutusan tahun baru pula Baginda ingin memperingatkan kepada seluruh raayat dan penduduk di-negeri ini supaya bersungguh2 pada mempertahankan keamanan, ketenteraman dan keselamatan dalam negeri Brunei supaya segala rahmat yang di-korbankan oleh Allah Subhanahu-Wata'ala kepada kita semua akan dapat kita nikmati tanpa gangguan dari anasir2 yang jahat. Dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan terus menerus memperkukuhkan lagi keselamatan Negeri Brunei yang terchinta ini.

Dalam hubungan ini harus-lah kita mengambil chontoh terhadap apa yang telah dan sedang berlaku di-satengah2 negara di-dunia sekarang ini yang antara-nya menghadapi kesukaran2 untuk melaksanakan usaha2 kemajuan dengan sebaik2-nya lantaran tiada chukop-nya jamin2 keselamatan yang meyakinkan. Keadaan2 yang sa-umpama ini dapat kita lihat hampir pada sa-tiap hari melalui siberan2 mass-media termasuklah radio dan TV. Di-perlihatkan kepada kita keruntuhan2 yang berlaku dan di-perdengarkan kepada kita suara2 raayat yang mahukan perdamaian dan rindukan suasana yang aman, tenteram lagi makmor. Di-sini-lah perbezaan yang amat ketara antara apa yang bergolak di-satengah2 negara dunia dengan keadaan negara kita di-mana kita tidak payah melaongkan kehendak2 yang bernada sademikian itu, bahkan kita tidak perlu bimbang dan ragu terhadap betapa terjamin-nya keamanan, ketenteraman dan kemakmoran kita itu. Ini-lah satu bukti dari usaha besar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menjamin suasana yang sa-demikian itu benar2 terpelihara di-negara kita ini. Terjamin-nya suasana aman lagi tenteram itu bukan saja bagi kepentingan melaksanakan tahap perkembangan yang lebih luas, tetapi yang penting juga ia-lah soal kebebasan raayat untuk melaksanakan usaha masing2 bagi kehidupan harian mereka.

Suasana yang kita nikmati sekarang ternyata ada-lah satu kejayaan yang besar yang di-chipta oleh raayat sendiri atas dasar kepercayaan mereka yang begitu kental bahawa raayat Brunei tidak rela di-chaboli oleh sebarang kegiatan yang boleh merachuni keadaan aman dan tenteram itu baik dari dalam apa-tah lagi dari luar. Kekukuhan kepercayaan raayat Brunei ini dapat di-buktikan berikutan dengan beberapa perhubungan untuk merachuni fikiran raayat itu. Dan, perhubungan ini akan bertambah gagal lagi bila mana telah di-ketahui raayat bahawa suara2 yang bunyi-nya nasionalis itu sa-benar-nya ada-lah tipu-muslihat komunis. Perhubungan untuk menyusupkan fahaman2 komunis di-kalangan raayat itu bukan saja gagal untuk bertapak, bahkan di-tamparkan balek oleh raayat kepada penyibar2-nya. Dan dengan itu tahu-lah mereka apa-kah bentuk sa-benar-nya raayat Brunei hari ini.

Maka itu ada-lah penting bagi kita seluruh-nya melipat-gandakan usaha kita dan menambah-kuatkan azam kita untuk menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya kita lebih sungguh2 lagi mengawal diri kita dari di-rachuni oleh fahaman2 yang tidak selari dengan azam memperkukuhkan suasana yang aman, tenteram lagi makmor itu.



Tempat

Letak

Kereta

YANG Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menjelaskan bahawa Kerajaan pada masa ini sedang meneliti dan mengkaji kemungkinan mengadakan letak kereta di-bangunan bertingkat.

Sa-lain dari itu, kata-nya, satu kawasan letak kereta yang tidak di-kenakan bayaran telah pun di-adakan di-Jalan Residency.

Menyentuh mengenai Pasar Babi di-Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menjelaskan perkara tersebut sedang dalam rancangan Kerajaan untuk memindah-nya di-satu kawasan yang sesuai dan tempat-nya sudah pun di-khaskan serta usaha untuk membena-nya akan di-jalankan sedikit masa lagi.

Menjawab pertanyaan lain berhubung dengan kemasokan Imigran India dan Bangladesh, Yang Berhormat itu menjelaskan sa-jauh ini sa-ramai tidak kurang dari 50 orang dari India dan Bangladesh telah di-perintahkan keluar kerana gagal memenohi sharat2 yang di-kenakan ka-atas mereka itu.

Jalan kecil ka-Kuala Balai



Y.B. Pehin Datu Singamenteri Awang Ariff bin Mujun.

YANG Berhormat Pehin Datu Singamenteri Awang Ariff bin Mujun berkali2 mengulangi harapan-nya supaya dalam peruntukan kemajuan 1977 ini Kerajaan akan dapat mengusahakan



Undang2 Perbekalan Tambahan di-luluskan



Y.B. Pehin O.K. Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.

RANG Undang2 Perbekalan Tambahan (1976) (Bil: 1), 1976 yang berjumlah sabanyak \$6,212,100. mengandungi 11 tajuk perkhidmatan dalam Kerajaan dan Perbekalan Tambahan (1975) (Bil: 2), 1976 berjumlah \$2,847,511. mengandungi 3 tajuk perkhidmatan dalam Kerajaan; telah di-luluskan sa-telah mengadakan beberapa perbahasan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Ne-

gara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee; sa-waktu menandatangani usul tersebut menyatakan tujuan Rang Undang2 ini ia-lah untuk memberikan kuasa undang2 kepada pembayaran2 tambahan yang tertentu yang di-buat bagi perkhidmatan tahun2 1975 dan 1976 yang lalu, yang mana ada-lah melebihi daripada perbelanjaan yang di-benarkan oleh Undang2 Perbekalan pada tahun2 tersebut.

Menurut beliau lagi bahawa Undang2 Perbekalan Tambahan yang di-maksudkan itu ada-lah untuk menggantikan pendahuluan dari Kumpulan Wang Gegasan, ia-itu sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh cheraian (2) bab 64 dari Perlembagaan.

Terdahulu dari ini Dewan juga telah meluluskan Perbekalan bagi 1977 sa-banyak \$687 juta dan Kumpulan Kewangan Kemajuan sa-banyak lebih \$144 juta.

Sementara itu di-fahamkan bahawa Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru yang mendapat peruntukan \$500 juta itu telah di-tambah \$200 juta menjadikan jumlah sa-banyak \$700 juta bagi membolehkan sekim2 baru di-muatkan dalam Rancangan Kemajuan tersebut.

Ada-lah juga di-fahamkan hasil pendapatan bagi tahun 1977 sa-banyak \$2,188 juta; bertambah sa-banyak \$300 juta dari hasil pendapatan tahun 1976 yang lalu.

PERSIDANGAN DI-TANGGOH

"Persidangan Dewan Majlis Mashuarat Negeri Brunei, telah di-tanggohkan sa-hingga satu tarikh yang akan di-tetapkan kelak". Demikian telah di-umumkan Khamsi lepas, oleh Speaker Dewan, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Hj Abu Bakar bin Pengiran Omar.

sa-batang jalan kecil yang boleh menghubungkan Kampung Kuala Balai dengan Kuala Belait, walau pun beliau menyedari pembenaan jalan kecil tersebut belum sampai kepada giliran-nya.

Menyentuh mengenai sembahyang berjemaah, Yang Berhormat itu mengharapkan kepada pehak Jabatan Hal Ehwal Ugama supaya akan dapat mengikhtirakan sa-orang guru Ugama menjadi Imam sa-masa Sembahyang Hari Raya.

Mengenai dengan sekolah rendah di-Kuala Balai, beliau berharap Kerajaan akan dapat mendirikan-nya, walau pun bertiang kayu, ujar-nya.

MAJLIS

TEMPAT2 BERIBADAT DI-SELUROH NEGERI



Y.B. Dr. Awg. Hj. Johar



Y.B. Pehin O.K. Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain.

KETIKA menyokong usul Ketetapan Undang2 Wang Kemajuan, yang berjumlah lebih \$144 juta dan Jabatan Hal Ehwal Ugama mendapat lebih \$6 juta; Yang Berhormat Pehin O.K. Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain memberitahu Dewan mengenai langkah2 yang akan di-amal oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama berhubung dengan tempat2 peribadat di-seluruh negeri.

Menurut beliau, sa-jauh ini beberapa buah masjid telah pun di-bena sama ada pada menggantikan yang lama kepada yang baru mahu pun mendirikan-nya di-tempat2 yang di-fikirkan perlu untuk di-adakan masjid. Demikian juga hal-nya dengan mengadakan surau2 di-kampung2.

Masjid di-Mukim Labi, kata-nya, telah pun siap dan di-gunakan oleh penduduk2 Islam sekitar mukim itu. Masjid Mohammad Bolkihah yang letak-nya di-Kampung Delima Satu Berakas, Jalan Muara, sedang dalam pembinaan

dengan giat-nya. Pembinaan masjid itu di-anggarkan memakan belanja sa-banyak \$2.8 juta.

Pehin O.K. Ratna Diraja menjelaskan bahawa beberapa buah masjid baru lagi akan di-bena termasuklah Masjid Tanah Jambu, di-Kampung Kati Mahar, di-Kampung Salangan, Daerah Temburong dan masjid di-Kampung Lamunin akan di-gantikan dengan bangunan baru demikian juga Masjid Sungai Liang dan Masjid Sinaut.

Yang Berhormat itu juga mengumumkan bahawa penduduk2 sekitar Kampung Ayer akan mempunyai masjid mereka sendiri; yang akan di-bena di-satu kawasan letak-nya berdekatan dengan Kampung Setia.

SURAU2

Berchakap mengenai dengan surau, Yang Berhormat Pehin O.K. Ratna Diraja menyatakan penghargaan beliau yang sa-tinggi2-nya atas semangat yang di-tunjukkan oleh umat Islam di-negeri ini pada meninggikan lagi shi'ar Islam melalui sumbangan dari surau2 itu. Beliau itu juga terharu atas tuntutan umat Islam supaya lebih banyak lagi di-bangunkan

surau2 di-kampung2 yang menghendaki-nya. Insha Allah, akan di-laksanakan perangkat demi perangkat, ujar beliau.

Kata-nya, melalui surau2-lah, antara-nya yang dapat mengasah rohani raayat untuk menjadikan diri masing2 sa-bagai orang2 Islam yang di-redhai Tuhan.

Beliau juga menyebut tempat peribadat yang di-bena dekat Kubor Dagang, di-Jalan Residency, yang akan memberi munafaat bukan sahaja di-kalangan peniaga di-gerai berdekatan di-situ, tetapi juga orang2 Islam lain untuk menunaikan ibadat sembahyang pada waktu-nya.

Di-bangunan2 Kerajaan juga terdapat tempat2 peribadat dan bangunan baru Rumah Sakit Besar antara-nya akan juga terdapat tempat peribadat. Ini, kata-nya, tidak terkecuali di-sekolah2 seperti yang terdapat di-Maktab SOAS.

Dalam pada itu, beliau menyeru kepada jawatan-kuasa2 sekolah di-negeri ini supaya akan mengambil langkah2 yang sa-umpama itu bagi mengadakan tempat2 peribadat di-sekolah masing2 demi kepentingan pembentukan manusia yang bertuhan (Allah).

Berchakap mengenai dengan mengadakan rumah2 untuk Guru2 Ugama di-pendalaman, Yang Berhormat itu menjelaskan bahawa usaha ka-araf itu telah pun di-lakukan dan sa-bahagian besar-nya telah pun dapat di-sempurnakan.

Menjelaskan berhubung dengan bangunan2 Sekolah Ugama, dan Guru2 Ugama; menurut Yang Berhormat itu beberapa buah bangunan lagi akan di-bena di-kawasan2 yang di-fikirkan perlu mempunyai bangunan itu. Disamping itu beliau juga amat menghargai usaha umat Islam di-negeri ini yang bersedia menggunakan rumah2 atau bangunan2 mereka untuk di-jadikan tempat belajar Ugama di-kalangan ahli2 mereka.

Tentang kesulitan2 yang di-hadapi pada menchukupi bilangan Guru2 Ugama yang di-perlukan, Yang Berhormat itu menyatakan matalamat pelajaran Ugama, ada-lah memerlukan sumbangan te-

naga guru dalam jumlah lebih 900 orang yang mana Maktab Perguruan Ugama masih tidak terdaya untuk menchukupi bilangan itu.

Kata-nya, di-kira dari guru2 yang bakal di-keluarkan oleh maktab itu pada penghujung tahun 1978, maka masih kedapatan lagi kekurangan sa-ramai tidak kurang dari 400 orang.

Tempat tamu khas di-B.S.B.



Y.B. Pg. Hj. Sapiuddin

YANG Berhormat Pengiran Sapiuddin bin Pengiran Haji Sulaiman mengharapkan supaya pehak berkuasa meng-ikhtikarkan tempat khas tamu di-Bandar Seri Begawan yang sesuai dan penamu2 itu patut-lah di-galakkan lagi.

Sa-belum itu beliau telah menguchapkan tahniah ka-atas pehak Lembaga Bandar atas usaha2 yang telah menjadikan Bandar Seri Begawan bersih dan kemas serta di-serikan lagi dengan bunga2an yang di-tanam di-sekeliling bandar.

Menyentuh dengan kesibokan jalan di-Batu Satu, Jalan Tutong, Yang Berhormat itu menchadangkan supaya jalan di-situ di-bersehi serta di-luaskan dengan membubuh minyak tar di-tepi jalan hingga tepi longkang.

Kata-nya, jalan2 ka-Bandar Seri Begawan jangan-lah tertumpu kepada satu arah sahaja, ia-itu Jalan Tutong dan Jalan Kumbang Pasang, di-sa-balek-nya ada jalan2 lain di-usahkan.

Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di-pergiat

YANG Berhormat Dr. Awang Haji Johar memberitahu Dewan bahawa baru2 ini satu alat pemeriksa darah, yang terbaharu dan termoden telah di-bekalkan di-Rumah Sakit yang mana ia-nya boleh melakukan pemeriksa yang lebih chepat.

Jabatan Perubatan dan Kesihatan juga tahun ini akan membangun beberapa buah klinik tetap seperti di-Kampung Lumapas, Tanjong Maya, Bukit Sawat dan Sukang. Sementara itu dua buah kli-

nik baru telah di-buka di-Kg. Limau Manis dan Lamunin, jelas beliau.

Kakitangan rumah sakit baru sedang di-lateh di-seberang laut; langkah memberikan perkhidmatan perubatan di-sekolah2; menghantar pesakit2 ka-luar negeri; langkah mengadakan bidan di-kampung2; langkah menambah kakitangan seperti Pegawai Kanan Perubatan, Doktor Gigi, Jururawat; penambahan ward bersalin; membesarkan bahagian rawatan gigi, mata dan X-ray untuk menampung keperluan2, tambah beliau.

Menyentuh wabak ayer kemerah2an yang lalu, Yang Berhormat itu menyatakan bahawa raayat dan penduduk negeri ini telah menaruh kepercayaan terhadap Jabatan Perubatan, dengan mengikut nasihat2 dan amaran yang telah di-keluarkan melalui mass media. Dengan langkah dan sokongan orang ramai kematian telah dapat di-elakkan, jelas-nya.

Ternakan Ayam-Itek

YANG Berhormat Setia Usaha Kerajaan Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz memberitahu Dewan dalam satu soal jawab bahawa Jabatan Pertanian telah memulakan satu ranchangan jangka panjang untuk memperbaiki berbagai2 sektor perusahaan ternakan di-negeri Brunei ini.

Penternakan ayam-itek chara kampung yang biasa jarang menjadi sumber pendapatan yang utama dan di-sebabkan oleh Kos Modal yang tinggi yang terlibat dalam memajukan perusahaan2 ayam-itek sa-chara besar2an. Dan Jabatan Pertanian telah menumpukan perhatian kepada chara2 mengurangkan perbelanjaan bagi makanan. Sa-buah kilang baru sedang di-buka di-negeri ini oleh pengusaha persendirian dan Jabatan Pertanian akan sentiasa berhubung rapat dengan pemaju2-nya untuk memastikan kualiti bahan2 makanan itu sentiasa baik dan harga-nya murah, jelas beliau.

Tambah-nya, kilang tersebut di-jangka akan memulakan kerja2-nya pada awal tahun 1977 ini. Jabatan Pertanian juga berusaha terus untuk memperkenalkan ba-ka2 ayam-itek baru yang baik.

Perkhidmatan Talipon sebelah Kg. Lambak



Y.B. Awg. Hj. Hanafiah

KETIKA menggulung sokong-annya terhadap Rancangan Kemajuan, Yang Berhormat Awang Haji Hanafiah bin Abdullah mengharapkan perkhidmatan talipon di-sebelah Kampung Lambak, yang chuma ada dua direct line, apabila malam ada-lah sukar untuk membuat perhubungan itu

supaya di-usahkan pada tahun ini.

Sa-belum itu juga beliau telah mengemukakan pertanyaan kepada pehak Kerajaan yang menyatakan pada masa ini kedai2 di-Bandar Seri Begawan, nampak-nya tidak menchukupi dan jalan2 raya di-sekeliling Bandar Seri Begawan juga ada-lah sempit. Dan pehak Kerajaan dalam jawapan perkara tersebut ada-lah dalam perhatian.

Beliau juga menarek perhatian berhubung dengan pemeliharaan jalan2 raya yang kebanyakan-nya mengalami kebanjiran ayer terutama musim hujan.



YDM Pehin OKLW Dato Paduka Awang Mohd. Salleh, Ketua Pegawai Penerangan.

BANDAR SERI BEGAWAN.— Pegawai2 dan kakitangan Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan telah di-seru supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab masing2 dengan lebih jujur dan ikhlas lagi di-sepanjang tahun 1977 ini.

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd. Salleh bin Haji Masri, Ketua Pegawai Penerangan berucap demikian dalam majlis taklimat bagi pegawai2 dan kakitangan Bahagian Penerangan, di-Bilek Gerakan bahagian itu di-sini pagi Sabtu lepas.

Ketua Pegawai Penerangan itu juga mengingatkan mereka supaya tidak akan sentiasa memikirkan dengan keterlaluan mengenai dengan soal2 gaji dan lain2 kemudahan sa-bagai pekerja. Kerana kita harus yakin bahawa Kerajaan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei adalah sentiasa menimbang soal2 kebajikan kepada semua kakitangan Kerajaan Baginda terutama soal2 penghidupan dari sa-masa ka-sa-masa," kata beliau.

Dalam majlis taklimat yang berlangsung kira2 dua jam itu, Ketua Pegawai Penerangan itu juga mengingatkan kakitangan-nya supaya

ANGGOTA PENERANGAN DI-SERU LIPAT- GANDAKAN USAHA

mengamalkan sifat hormat menghormati, tolong menolong dan bantu membantu, bertanggung-jawab dan jujur dalam menunaikan tugas masing2 supaya kemajuan dan nama baik Kerajaan akan sama2 di-jaga dan dipelihara dalam memelihara dan menherminkan imej Kerajaan Baginda itu.

Beliau menasehatkan lagi bahawa dalam menjalankan kerja2 sa-panjang berkhidmat

dengan Kerajaan pegawai2 dan kakitangan bahagian tersebut jangan-lah pula akan sentiasa mengingatkan soal kenaikan pangkat dan sa-bagai-nya.

Kata-nya kenaikan pangkat atau kenaikan gaji sa-seorang pegawai dan kakitangan Kerajaan itu adalah terletak atas perkhidmatan yang sempurna lagi jujur demi untuk kepentingan bangsa dan negara. Beliau juga mengingatkan, bahawa mencapai kenaikan itu jangan-lah pula bersikap main kayu tiga di-samping menjahankan kawan2.

Dengan tegas beliau berkata bahawa sokongan hanya di-berikan kepada kakitangan yang di-fikirkan layak dan benar2 berkhidmat dengan jujur dan ikhlas, tetapi beliau mengingatkan bahawa beliau tidak akan sanggup memikul 'biawak hidup' bagi mencapai kenaikan tersebut.

Beliau berharap supaya kakitangan di-bahagian ini akan sentiasa membarui dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan mereka serta berwaspada dalam menjalankan tugas.

Seminar Pimpinan Belia

Dari muka 1

bendaan sa-mata2 supaya jangan sampai para belia terminum rachun dari ayer yang di-tegok.

Justeru itu, Yang Amat Mulia bersabda lagi sambil mengingatkan, bahawa adalah menjadi tanggungjawab para belia untuk mempertahankan nilai2 hidup kita yang di-warisi dari

budi pekerti yang halus, dengan nilai2 akhlak yang tinggi.

Yang Amat Mulia mengingatkan kepada para pemimpin2 peserta seminar supaya mereka melengkapkan diri dengan ingatan2 itu tadi kerana mereka ada-lah menjadi chontoh kepada orang yang di-pimpin di-samping tunjuk ajar yang di-perlukan oleh ahli masing2.

Beliau sa-terus-nya berseru kepada pemimpin2 belia dan belia2 di-negeri ini supaya meneruskan dan meninggikan pelajaran masing2 dalam menem-poh kemajuan dunia sains dan teknologi selaras dengan kemajuan dan pembangunan negara kita.

Kerana, sabda Yang Amat Mulia itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa menyediakan peluang2 dan kemudahan2 belajar yang terbuka luas. Untuk itu para belia haruslah bersedia untuk tidak di-tinggalkan oleh kemajuan masa yang sentiasa berlalu.

Dengan ada-nya ilmu pengetahuan yang tinggi dan pendidikan yang baik serta bermutu, Yang Amat Mulia penoh percaya bahawa belia2 akan dapat bergerak dengan lebih maju, berkesan dan berjaya lagi dalam berbagai2 tanggungjawab yang di-bebankan oleh negara, agama dan bangsa ka-atas bahu para belia.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najab Pengiran Anak Haji Abdul Aziz dalam sabda ucapan perasmian

seminar pagi itu menekankan bahawa kita sekarang hidup dalam suasana yang aman makmur dan tenteram di-negara Brunei Darussalam ini. Dari itu belia2 haruslah pandai menyesuaikan diri dengan perubahan zaman bagi menem-poh liku2 hidup sa-terus-nya.

Dalam majlis perasmian itu juga Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Aziz mengingatkan lagi akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mengharapakan ujud-nya suasana ketenteraman yang sentiasa terjamin supaya rakyat dan penduduk negeri ini akan sentiasa hidup terus tanpa gangguan dari anasir2 jahat.

Dengan jaminan2 ketenteraman yang berkekalan itu nanti adalah di-harap yang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak akan teragak2 untuk mengeluarkan jumlah perbelanjaan yang berjuta2 ringgit demi melaksanakan projek2 pemoanganan negara ini.

"Brunei ada-lah tanah ayer kita, tempat tujuhan arah kita, dan tidak ada bumi lain sa-lain dari Brunei untuk kita berteduh dan berlindung, maka mari-lah kita sama2 mempertahankan kedaulatan tanah ayer kita dengan apa cara sa-kali pun sa-mata2 untuk kepentingan jenerasi kita yang akan datang.

"Mari-lah kita bersama2 memberikan khidmat dan sumbangan yang berkesan dan berfaedah sa-besarnya daya yang boleh oleh kita menurut kemampuan masing2 kepada bangsa, agama dan tanah ayer dengan penoh ta'at setia yang tidak berbelah bagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kerajaan Baginda sa-mata2 kerana Allah," sabda Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Majlis pembukaan rasmi Pimpinan Belia itu di-hadiri oleh kira2 200 orang pemimpin belia dan jemputan khas. Ia-nya disertai oleh kira2 50 orang perwakilan dari badan2 belia dan kebajikan yang bergabung dengan Majlis Belia2 dan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan.

Lawatan hapus malaria

Lawatan penyembor ubat DDT Daerah Temburong, Tutong dan Brunei/Muara bagi bulan Januari ini, adalah seperti berikut:—

Daerah Temburong.
Batang Tuau 10/1/77; Puni dan Hujung Jalan 11/1/77; Belais dan Buda2 12/1/77; Rataie dan Sg. Tanit 13/1/77; Bukok 15/1/77; Bekarut dan Meniup 17/1/77; Sembatang dan Kenua 18/1/77; Lepong Lama dan Lepong Baru 19/1/77; Semabat dan Temada 20/1/77; Perdayan dan Labu Estate 22/1/77

dan 24/1/77; Batang Duri, Amo, Sumbiling dan Sibut 25/1/77; Piasau2 26/1/77; Senukoh 27/1/77 dan Parit Temburong 28/1/77.
Daerah Brunei/Muara.
Beribi 10/1/77; Tanjong Bunut 11/1/77; Panchur Murai 12/1/77; Kuala Lurah 13/1/77; Bebuloh 12/1/77; Batang Mitus 17/1/77; Mungkom 18/1/77; Menengah 19/1/77; Bukit Sulang 20/1/77; Bukit Beruang 22/1/77; Batang Bebuloh 24/1/77; Panchong Layong 25/1/77; Tanjong Dangar 26/1/77.



Kedua2 gambar ini menunjukkan para hadhirin di-hari pembukaan rasmi Seminar Pimpinan Belia, di-Dewan Pusat Belia, Ahad lepas.



112 chalun persendirian lulus

BANDAR SERI BEGAWAN.— Sa-ramai 112 orang chalun persendirian dalam aliran Inggeris telah berjaya dengan mendapat 3 orang pangkat pertama, 22 orang pangkat kedua dan 7 orang pangkat ketiga. 241 orang pula gagal dari jumlah 273 orang chalun yang menduduki.

Sa-orang mendapat pangkat pertama, 12 orang mendapat pangkat kedua dan 67 orang pangkat ketiga di-sam-

ping 96 orang gagal dari 176 orang chalun yang menduduki dalam aliran Melayu persendirian seluruh negeri.

Dengan ini 11.72% yang telah lulus peperiksaan tersebut dalam aliran Inggeris dan 45.45% lulus dalam aliran Melayu.

Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei yang baru di-keluarkan keputusan-nya minggu ini telah di-jalankan pada 8hb Nobember, 1976.

Minggu lalu Pelajar Hari Ini dan Esok menyentuh sejarah persekolahan di-negeri ini yang bermula pada tahun 1912 di-mana telah menampakkan usaha Kerajaan dalam memperluaskan pembinaan sekolah di-seluruh pelusok tanah ayer selari dengan pertambahan pendaftaran murid2 dan penuntut2 bersekolah sa-tiap tahun.

Minggu ini di-sentuh pula pertambahan yang semakin meningkat itu di-semua peringkat sekolah dan usaha2 Kerajaan dalam mengatasi-nya.

MENELITI pada pendaftaran murid2 sekolah dalam tahun 1912 yang hanya berjumlah 53 orang, maka jumlah ini semakin meningkat kepada 33,877 orang dalam tahun 1975. Ini menunjukkan dalam usia lebih sa-tengah abad persekolahan di-negeri kita bahawa kira2 25 peratus penduduk negeri ini ada-lah menerima pendidikan pelajaran di-sekolah2 dari darjah satu membawa ka-darjah tingkatan enam atas.

Pertambahan ka-atas pendaftaran yang begitu besar ada-lah salah satu-nya di-sebabkan oleh kelonggaran had umur kanak2 yang perlu di-sekolahkan ka-sekolah2 Kerajaan yang telah di-kuat-kuasakan dan mula di-jalankan pada 1hb Januari, 1971, ia-itu dari umur kanak2 5½ tahun telah di-kurangkan menjadi lima (tidak kurang dari lima tahun pada awal tahun kanak2 itu di-sekolahkan), jumlah pendaftaran kanak2 ini di-darjah satu pada tahun 1971 telah meningkat melebihi hampir 2,000 orang dari jumlah pendaftaran pada tahun 1970.

Jadual pendaftaran kanak2 baru bersekolah di-bawah menunjukkan:

1971	2,211	1,991	4,202
1972	1,639	1,692	3,221
1973	1,598	1,662	3,260
1974	1,677	1,633	3,310
1975	1,654	1,576	3,232
1976	1,624	1,696	3,320
Jumlah:	10,403	10,250	20,653

Dari jadual tersebut menunjukkan pendaftaran pada tahun 1971 sa-ramai 4,202 orang kanak2 yang belajar di-darjah satu di-semua sekolah rendah Kerajaan meningkat dalam jumlah yang begitu besar berbanding dari tahun2 sa-belum-nya, ini di-sebabkan ada-nya kelonggaran had umur itu tadi membolehkan kanak2 yang tidak berkesempatan bersekolah dan kurang menjangkau umur 5½ tahun pada tahun 1970 bersekolah pada tahun 1971.

Demikian juga dengan kesan banjir pendaftaran tersebut telah menyebabkan jumlah yang berkurangan dalam pendaftaran pada tahun2 berikut-nya (1972 dan 1973) di-mana hanya 3,331 orang dan 3,260 orang yang berdaftar, dan ini di-ikuti pula pendaftaran yang turun naik di-mana pertambahan berlaku sa-mula pada tahun 1974 dan menurun lagi pada tahun 1975 dan naik lagi pada tahun 1976.

Hal ini ujud kerana kemungkinan besar had umur kanak2 itu pada tahun menurun (1975) belum sampai pada had umur yang dikehendaki, maka tahun berikut-nya (1976) baru-lah di-bolehkan mendaftar.

Biar pun begitu satu perbezaan yang besar jelas berlaku dalam jumlah keseluruhan kanak2 yang baru berdaftar pada jangka enam tahun di-tahun 70an (1971-1976) ia-lah 20,653 orang berbanding dengan jumlah pendaftaran baru dalam jangka 10 tahun pada tahun 60an (1961-1970) hanya 10,265 orang. Ini ada-lah di-sebabkan kerana perbezaan had umur yang di-perlukan bersekolah dalam dua dekat itu tadi di-samping penduduk yang semakin meningkat dalam tahun 1970an.

Pertambahan yang sa-rupa juga berlaku ka-atas pendaftaran murid2 sekolah rendah

di-Sekolah Persediaan Inggeris Kerajaan. dalam tahun 1976 ia-nya berjumlah 2,386 orang yakni bertambah sedikit dari tahun 1975 yang berjumlah 2,319 orang.

Hal pertambahan seperti ini tidak ketinggalan juga ka-atas pendaftaran penuntut2 di-peringkat menengah. Dalam tahun 1971 terdapat 8,684 orang penuntut berdaftar di-sekolah2 menengah dan pada tahun 1976 meningkat lagi kepada 11,604 orang ia-itu bertambah 2,920 orang dalam jangka lima tahun.



Kanak2 di-negeri ini ada-lah sangat beruntung kerana mendapat peluang bersekolah dengan perkhidmatan dari Kerajaan. Sa-bahagian murid2 dari sa-buah sekolah berbentuk kekal sedang berada di-padang permainan.

Memandang kepada pertambahan tersebut sa-chara langsung kita tentu menyedari betapa beberapa pertambahan yang lain perlu juga di-seimbangkan sa-lain dari pembinaan dan tambahan sekolah2, maka tenaga pengajar atau guru mesti juga di-tambah jumlah-nya selari dengan perubahan besar dalam pendaftaran di-sekolah2 itu tadi.

Dalam hal ini ada sa-ramai 1,650 orang guru pada tahun 1971 yang mengajar di-semua sekolah2 Kerajaan yang

terdiri dari guru2 tempatan dan luar negeri (tidak termasuk guru2 sekolah agama). Jumlah ini telah meningkat kepada 1,926 orang pada tahun 1975 yang keseluruhannya mereka itu berkelulusan Maktab Perguruan di-negeri ini di-samping memiliki kelulusan2 sijil SRP, SRPB, SPM, SPS, STP, Diploma dan sa-bahagian-nya berkelulusan ijazah bagi sa-bahagian guru2 tempatan dan luar negeri.

Dari kenyataan tersebut sudah jelas kepada kita bahawa untuk mengelakkan kelalaian yang mungkin terjadi dalam hal2 pendidikan yang lebih sempurna, Kerajaan bukan sahaja memberikan pelajaran bentuk duniawi bahkan juga pelajaran kerohanian menerusi pendidikan sekolah agama yang diusahakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei.

Untuk ini Kerajaan telah membukakan kelas pelajaran

kan untuk mendirikan beberapa buah sekolah agama yang baharu berbentuk kekal dan sementara di-semua daerah.

Kegiatan ini ada-lah menunjukkan bahawa Kerajaan berusaha menanamkan semangat ke-Islaman di-kalangan rakyat-nya terutama murid2 dan penuntut sejajar dengan Islam sa-bagai Uga-ma Rasmi dan Ideologi negara.

Sejak tahun 1974 membawa ka-hari ini kira2 sa-puluh buah sekolah rendah Melayu dan Uga-ma yang baharu telah di-dirikan di-seluruh negeri, di-samping itu sa-buah

telah menubuhkan sa-buah sekolah lathan perguruan agama khusus bagi meningkatkan dan menyelaraskan pelajaran agama kepada semua kanak2 di-negeri ini.

Kedua2 sekolah lathan perguruan tersebut telah banyak mengeluarkan tenaga pengajar yang di-kehendaki oleh negara sa-tiap tahun dan pada tahun lepas kedua2-nya telah mengeluarkan kira2 200 orang guru terlatih — 170 orang dari perguruan umum dan 29 orang perguruan agama.

Sa-lain dari itu peminjaman guru2 yang berkelulusan dan berijazah dari luar negeri untuk mengajar di-sekolah2 menengah

... Oleh yang demikian, rangka-kerja Maktab Perguruan patut-lah sekarang di-tumpukan untuk memenuhi keperluan2 persekolahan dalam Sistem Pelajaran yang di-shorkan itu dengan mengadakan bahagian2 kursus perguruan bagi tiap2 jenis peringkat persekolahan dan guru2 khas bagi tiap2 mata pelajaran.

(Chabutan — Laporan Surohanjaya Pelajaran Brunei).

Kerajaan telah juga di-laksanakan, di-mana kebanyakan guru2 itu di-tempatkan untuk mengajar di-Pusat Tingkatan Enam yang baru di-tubuhkan.

Penubuhan Pusat Tingkatan Enam ini ia-lah satu usaha Kerajaan pada menyatukan dan meningkatkan lagi kualiti pelajaran di-peringkat menengah dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan di-bawah satu bumbung persekolahan dan tidak lagi berpecah di-beberapa buah sekolah menengah Kerajaan yang lain.

Dengan tertubuh-nya Pusat Tingkatan Enam ini beberapa masalah telah dapat di-atasi terutama dalam mendapatkan tenaga pengajar yang berkelulusan di-peringkat tersebut dapat di-tampung sa-bahagian-nya di-mana semua guru2 yang mengajar di-tingkatan enam yang dulu-nya berpecah belah kini di-satukan di-bawah satu pentadbiran persekolahan.

Dengan penyatuan yang bijak-sana ini kita penuh yakin bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah benar2 berhasrat meningkatkan mutu pelajaran kepada semua penuntut di-peringkat menengah di-negeri ini sesuai dengan harapan kita pada mendapatkan tenaga2 yang berkemahiran dan berkelulusan dan mempunyai aspirasi kemajuan bangsa dan negara.

Dari itu akan lebih jauh lagi impian kita yang mungkin menjadi kenyataan pada melihat ujud-nya sa-buah pusat pengajian tinggi bertaraf Maktab Universiti yang boleh menampung dan memberikan pengajaran dari segi akademik dan kemahiran kepada generasi kita buat masa hadapan. Kerajaan sendiri mengharapkan demikian di-mana dalam masa sa-puluh tahun akan datang semua-nya itu akan terlaksana.



pelajar
hari ini dan esok

P'TAMBAHAN YANG MENINGKAT NAMPAKKAN USAHA GIGIH K'JAAN

SARAWAK TUAN RUMAH PIALA BORNEO

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sarawak di-jangka akan menjadi tuan rumah bagi perlawanan bolasepak antara tiga wilayah; Brunei, Sarawak dan Sabah, yang akan di-adakan pada tahun 1977 ini bagi merebut Piala Borneo.

Negeri Brunei telah bersejua untuk menurunkan pemain2-nya di-perlawanan tersebut sementara Sabah sa-jauh ini belum di-ketahui lagi.

Ini telah di-nyatakan kepada Pelita Brunei minggu ini oleh Yang Dipertua, Persatuan Bolasepak Negeri Brunei, Pengiran Idriss ibni Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji

Mohammad.

Pelita Brunei di-fahamkan bahawa perlawanan tersebut akan di-jalankan mengikut undang2 dan peraturan yang biasa di-pakai dalam perlawanan yang lalu.

TARIKH PERLAWANAN BELUM LAGI DI-TETAPKAN


Sa-lepas Sarawak tahun ini menjadi tuan rumah Piala Borneo, kemungkinan pada tahun 1978 akan datang, giliran Brunei atau Sabah akan menjadi tuan rumah pula.

Bolakeranjang ka-Filipina

PASOKAN bolakeranjang Brunei telah bertolak ka-Filipina minggu lepas bagi lawatan muhibbah lima hari di-sana. Rombongan tersebut terdiri dari 12 pemain, 5 pegawai, 2 jurulatih dan sa-orang pengadil.

Mereka itu akan menjadi

tetamu kepada Persatuan Bolakeranjang Filipina. Samasa dalam lawatan, mereka juga akan mengadakan perlawanan dengan pasokan2 sa-tempat di-samping melawat tempat2 menarek — Keliatan Ketua Pegawai Belia dan Sokan, Pengiran Idriss, sa-laku ketua rombongan.



KAN-HAL KITANI

Pegawai2 Belia dan Sokan dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan; selalu mengadakan lawatan2 ka-Persatuan2 Belia di-negeri ini untuk mengetahui kegiatan2 persatuan itu.

Kitani harap mana2 persatuan2 belia yang belum sempat di-lawati supaya bersabar, giliran-nya akan tiba juga nanti.

PESTA BOLASEPAK ANTARA DAERAH

PERSATUAN Bolasepak Amatir Daerah Belait dalam mashuarat bulanan-nya yang lalu telah membinchangkan persiapan bagi mengadakan perlawanan bolasepak antara daerah2 di-negeri ini.

Di-samping itu persatuan itu juga telah bersiap2 untuk melangsungkan satu perlawanan bolasepak sistem liga bagi Bahagian Satu dan Dua

yang di-jangka di-langsungkan pada bulan ini atau awal bulan depan.

Pelita Brunei di-fahamkan pada tahun lalu Persatuan Bolasepak Amatir Daerah Belait telah mengadakan perlawanan bolasepak antara Pejabat2 Kerajaan di-Daerah Belait di-samping menganjorkan kursus2 Pengadil Bolasepak.

JAWATANKUASA TADBIR AKSE

KAMPONG SETIA.—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, telah merasmikan Mashuarat Agong Persatuan Angkatan Kampong Setia (AKSE), minggu lalu.

Dalam Mashuarat Agong Persatuan tersebut telah memilih beberapa orang ahli Jawatankuasa Tadbir, bagi tahun 1977. Mereka itu ialah:—

Yang Dipertua, Mohd Zain bin Hj Kassim; Naib Yang Dipertua, Chegu Bidin bin Ibrahim; Setia Usaha Agong, Chegu Ramlee bin Hj Bakir; Timbalan Setia Usaha Agong, Chegu Abd Latif bin Hj Dollah; Benda-hari Agong, Awg Ismail bin Hj Tengah; Timbalan Benda-hari Agong, Awang Jalil bin Hj Ismail; Pemereksa Kira-

Kira, Chegu Asbol bin Hj Ismail, Chegu Bujang bin Deris; Seksi Kebajikan, Awg Serkawi bin Hj Salleh Mohammad; Timbalan Seksi Kebajikan, Awg Hassan bin Timbang; Seksi Sokan, Awg Mohammad bin Hj Kassim; Timbalan Seksi Sokan, Awg Jali bin Hj Nassir; Seksi Penerangan/Pelajaran, Awg Ariffen bin Hassan; Timbalan Seksi Penerangan/Pelajaran, Awg Merali bin Timbang; Seksi Kesenian/Kebudayaan, Awg Suhut bin Hj Sahat; Timbalan Seksi Kesenian/Kebudayaan, Awg Kurus bin Hj Bakir; Seksi Pelanchongan, di-rangkap oleh Yang Dipertua; Timbalan Seksi Pelanchongan, Awg Marzuki bin Hj Salleh; Ketua Seksi Wanita, Dy Saadiah bte Hj Kapitan; Timbalan Ketua Seksi Wanita, Dy Fatimah bte Hj Damit.

11 PANDUAN

[UNDANG2 KE-EMPAT]



KEPUTUSAN LEMBAGA ANTARABANGSA.

1. Perkara biasa sa-orang pemain ia-lah sa-helai jersi (jersey) atau kemeja, seluar pendek, setokin dan pakaian kaki (kasut bola). Di-dalam satu perlawanan yang di-mainkan di-bawah peraturan peraduan, pemain2 tidak perlu memakai bot atau sepatu tetapi akan memakai jersi atau kemeja, seluar pendek atau 'track suit' atau pakaian yang bersamaan dan setokin.
2. Undang-undang tidak menekankan yang bot atau sepatu mesti di-pakai. Bagaimanapun dalam perlawanan peraduan Pengadil tidak sa-mesti-nya membenarkan sa-orang atau sabilangan pemain untuk bermain dengan tidak menggunakan pakaian kaki apabila semua pemain lain berpakaian lengkap.
3. Dalam perlawanan2 Antarabangsa, Pertandingan2 Antarabangsa, Pertandingan2 Kelab Antarabangsa dan perlawanan2 persahabatan dan Kelab-kelab yang berlainan Persatuan2 Kebangsaan, Pengadil sa-belum memulakan perlawanan itu akan memeriksa kasut2 pemain dan melarang sebarang pemain yang mana memakai kasut2 bola yang tidak mengikut kehendak2 Undang2 ini daripada bermain sehingga suatu ketika yang ia-nya sudah mematohi Undang2. Undang2 sebarang pertandingan boleh di-gunakan mengikut syarat2 ini.
4. Jika Pengadil itu mendapati bahawa sa-orang pemain memakai benda-benda yang tidak di-benarkan oleh Undang2 yang boleh membahayakan pemain2 lain, Pengadil akan memerintahkan ia menanggalkan benda2 itu. Jika ia enggan atau tidak dapat mengikut perintah Pengadil, pemain itu tidak di-benarkan mengambil bahagian. — (Bersambung).

Lawatan pegawai2 belia

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pegawai2 dari Bahagian Belia dan Sokan, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, telah mengadakan lawatan ka-Persatuan KEMUKA di-Kampung Burong Pingai Ayer baru2 ini.

Tujuan lawatan itu ia-lah untuk mengetahui tentang aktiviti2 persatuan tersebut. Dan lawatan sa-rupa ini juga pernah di-adakan ka-persatuan2 belia seluruh negeri.

Sa-waktu dalam lawatan ka-Persatuan KEMUKA, Pegawai2 itu telah di-beri taklimat oleh pemimpin persatuan tersebut berhubung dengan kegiatan2 persatuan itu dalam bidang sokan, kebajikan dan lain2. Dan mereka itu juga di-bawa melihat2 kemajuan kedai shariat KEMUKA.

Lumba basikal 27hb depan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Perlumbaan basikal sa-jauh 67 batu yang telah di-tanggohkan tahun lalu akan di-langsungkan pada 27hb Februari depan. Ia-nya bermula dari Kuala Belait menuju ka-Bandar Seri Begawan.

Borag2 penyertaan boleh di-dapati daripada Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji

Chuchu, Pusat Belia, dan Awang Yassin bin Abu Bakar, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Bandar Seri Begawan. Daerah Belait boleh-lah berhubung kepada Awang Ismail Apang, Pusat Belia, dan Awang Masri bin Haji Arshad, Pejabat Buroh K. Belait. Borag2 hendak-lah di-hantar balek tidak lewat pada 31hb Januari ini.

SEGALA2-NYA sudah pun siap di-ator-kan untuk bertolak ka-Madinah. Tiga buah bas telah sedia menunggu. Bagi mengelakkan supaya jangan berebut-rebut, maka kami pegawai2 dengan di-bantu oleh beberapa orang jemaah telah mengatorkan tempat duduk masing2. Chara yang kami buat ia-lah berpanduan kepada senarai yang memang sudah elok, ia-itu mana2 yang berpasangan (suami isteri) tetap dengan pasangannya: Satu bas dan bahkan satu bangku tempat duduk. Demikian juga kalau ada yang beranak dan banyak berkeluarga, sebole2nya akan di-kumpulkan dalam sa-buah bas, tidak di-cherai2. Tetapi di-

luar dugaan, rupa2nya ada pula yang mau lebih dari itu. Ada yang mau berkumpul ramai2 dengan kawan2. Kalau dia berkawan sa-ramai lima atau enam orang, maka mereka mau kesemua-nya itu jangan di-pisah2kan, biar satu bas juga.

Terus terang sahaja, bahuwa kemahuan yang saperti ini-lah yang menyulitkan fikiran. Sebab, bukan-lah mudah hendak melaksanakan saperti apa yang di-kehendaki itu bila memandangkan umpamanya bilangan penompang bagi sa-buah bas itu telahpun di-tentukan sekian2. Kata-lah sa-buah bas itu penompang-nya di-hadkan hanya sa-ramai 40 orang, sedang yang berkehendak supaya di-kumpulkan (tidak mau di-cherai2) ada 41 orang, jadi bermakna sa-orang akan terpaksa juga terpisah. Apakah munasabah kita berkeras juga dalam perkara peratoran saperti ini, hanya sa mata2

kerana hendakkan hati kita sendiri senang? Saya fikir jawapan kita tidak serentak mengatakan: Tidak!

Demikian juga dalam masaalah angkat mengangkat barang. Apa-kah patut bagi sa-orang jemaah berteriak kuat2 dengan nada membe-rangsang perasaan orang lain: "Jangan di-angkat! Walau pun inda bajalan sampai malam . . . peranjian ada khadam akan meng-angkat . . ." Walau pun ada sa-orang dua yang nampak-nya terpesona dengan teriakan itu, tetapi alhamdulillah, lebih ramai dan bahkan dapat saya katakan pada umum-nya para jemaah tidak memperdulikan-nya. Mereka terus sama2 mengangkat dengan di-bantu oleh khadam2. Khadam2 ini tidak ramai, chuma empat lima orang sahaja, sebab jemaah orang lain pun turut memerlukan mereka. Jadi bagaimana mau di-tunggu2? Jika hendak di-tunggu juga, saya fikir dua

PERJALANAN KA-TANAH SUCHI

OLEH: HAJI ABDUL AZIZ JUNED

KETUA PEGAWAI PERHUBONGAN

HAJI TAHUN 1396/1976.

(Siri ketiga)



Gambar ini menunjukkan jemaah haji Brunei kumpolan kedua waktu berada di-Madinah.

atau tiga jam pun belum tentu habis di-angkut. Khadam yang tinggal di-bawah chuma tiga orang, sementara dua orang lain di-atas bum-bong (atap) bas menjawati barang2, menyusun dan mengikat. Dan choba, choba kita lihat kepada orang lain, baik ia jemaah Afrika atau pun bukan Afrika, mereka

itu sama2 mengangkat, be-kerjasama antara satu sama lain, sa-hingga jika di-perhati baik2, kelihatan peranan khadam2 yang turut membantu mereka saperti tidak bermakna lagi. Saya yakin kenyataan saya ini tidak-lah keterlalu-

Tujuan saya menyebut hal ini ada-lah dengan niat baik,

ia-itu supaya, kalau boleh, biar-lah menjadi peringatan bahawa sikap "extreme" saperti ini sama sekali tidak menguntungkan, bahkan sabalek-nya. Lebih2 lagi bila kita dalam kumpolan yang serta bertujuan pula mengerjakan ibadat yang besar, yang ketika itu di-larang kita berchakap kesat, melakukan fasisik dan berbantah2an.

Di-pendekkan cherita, ke-tiga2 bas yang membawa jemaah Brunei pun bertolak petang itu juga. Dengan ini, selesai-lah cherita di-Jeddah.

AL-MADINAH AL-MUNAWARAH

Sa-belum saya bercherita tentang keadaan di-Madinah, maka baik rasa-nya saya menulis dulu tentang Madinah itu sendiri, ia-itu tentang kedudukan-nya dari segi geografi dan juga dari segi ugama dan lain2.

Bila di-sebut sahaja Kota Madinah, semua orang tau bahawa ia-nya ada-lah salah sa-buah kota suchi orang2 Islam sa-lain Mekah Al-Mukarramah. Kedudukan-nya dari segi geografi berada dalam lingkungan lebih dari 1,900 kaki dari paras laut, dan terletak berdekatan dengan garis Lintang Utara 25 darjah dan garis Bujur Timur 40 darjah dalam jarak lebih kurang 300 batu dari Kota Mekah.

Pada umum-nya sa-tiap orang Islam yang datang ka-Mekah untuk mengerjakan haji, akan datang juga mengunjungi Kota Madinah dengan tujuan pokok untuk berziarah ka-Makam Rasulullah s.a.w. dan bersembahyang di-Masjid Nabawi. Masjid ini terletak betul2 di-tengah2 Kota Madinah. Sementara Makam Rasulullah terletak di-dalam Masjid itu sendiri. Walau pun berkunjung ka-Madinah itu tidak termasuk rukun haji, namun perasaan orang merasakan kurang sempurna jika tidak berkunjung ka-mari. Kerana itu-lah pada lazim-nya sesudah menyelesaikan kunjungan ka-Madinah dalam 9 atau 10 atau 11 hari baharu-lah menuju pula ka-Mekah Al-Mukarramah.

(BERSAMBONG)

SHARIKAT KERJASAMA PENGKALAN BATU

PENGKALAN BATU. — Kira2 50 orang telah berhimpun dalam majlis pembukaan rasmi Sharikat Kedai Kerjasama di-sini pada petang hari Jumaat lepas.

Sharikat Kedai Kerjasama Kampong tersebut telah dirasmikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Johari bin Abd Razak, Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara menyatak bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa menjalankan usaha2 yang berkebakjian untuk rayat dan penduduk negeri ini, tetapi sama ada ia-nya akan benar2 mendatangkan hasil atau tidak terserah-lah kepada rayat untuk menerima dan mengusahakan bersama untuk mencapai apa yang di-harap2kan itu.

Beliau berkata lagi dalam sa-sebuah pertubuhan atau persatuan pemilikan ka-atas pemimpin2nya perlu-lah diputuskan dan di-selideki terlebih dahulu dalam berbagai sudut sa-belum mengambil keputusan, kerana di-tangan pemimpin2-lah terletak-nya kemajuan dan kemundoran pertubuhan itu.

Beliau juga mengingatkan sa-tiap pemimpin atau ahli dalam satu2 pertubuhan perlu-lah menyematkan sifat



Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Johari bin Abdul Razak sedang memotong pita bunga ketika merasmikan pembukaan dan mashuarat agong Sharikat Kedai Kerjasama Kampong Pengkalan Batu.

amanah kerana ia-nya ada-lah menjadi kunchi kemajuan lebih2 lagi bagi sharikat kerjasama.

Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Ahmad Wally Skinner juga turut memberikan ucapan khas-nya dalam majlis hari itu.

Sharikat Kedai Kerjasama Pengkalan Batu ada-lah di-anggotai oleh kira2 55 orang ahli dengan modal \$13,200.00. Ia-nya juga mempunyai sa-buah lagi chawangan di-Merpatung.

Dengan terbentuk-nya jawatankuasa Sharikat Kedai hari itu menjadikan ia-nya sa-bagai sharikat kedai yang

pertama berdaftar dengan Pendaftaran Kemajuan Kerjasama pada tahun 1977 ini. Sa-takat ini sa-banyak 24 buah sharikat kedai di-seluruh negeri telah di-daftarkan dengan Pendaftaran Kemajuan Kerjasama ia-itu 23 buah antara-nya pada tahun 1976.

Mereka yang di-lantek dalam Jawatankuasa Sharikat Kedai Kerjasama Kampong Pengkalan Batu untuk tahun 1977/78 ia-lah saperti berikut:

Pengerusi, Buntar bin Haji Serudin; Setiausaha, Ismail bin Haji Halim; Bendahari, Haji Baha bin Haji Kamis; Ahli J/K, Haji Mokti bin

Haji Lakim, Kadir bin Haji Tahir, Majid bin Kanak, Siau bin Meramit.

Pemeriksa Kira2, Momin bin Silim, Basman bin Haji Anit, Lamat bin Anggas, Hj Metali bin Haji Sudin.

Buku untuk di-jual

Bahagian Perangkaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan telah mengeluarkan buku 'Sa-bahagian dari Laporan Perniagaan Luar Negeri Brunei bagi 1975 (Abstract of Brunei External Trade 1975). Buku tersebut untuk di-jual kepada orang ramai dengan harga \$5.00 sa-naskah.

Buku2 ini boleh di-dapati dari Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Jalan MacArthur, Bandar Seri Begawan, Brunei pada waktu pejabat di-buka.

LAGI DERMA STADIUM

SETIAUSAHA Agong Jawatan-kuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd Jamil Al-Sufri minggu lepas telah menerima derma sa-keping chek bernilai \$707.00 daripada kakitangan Pejabat Odit yang telah di-sampaikan oleh Awang Shahbuddin bin Abd Rashid, Awang Sabli bin Haji Arshad dan Awang Mohd Raikhan bin Mohamad sa-laku wakil Juru Odit Agong. Derma tersebut di-hulurkan untuk menjun-jong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mengenai rancangan pembinaan Kompleks Stadium di-negeri ini.

Pada masa menerima derma tersebut Yang Berhormat itu telah mengucapkan ber-banyak2 terima kasih dan memberikan penghargaan yang sa-tinggi2-nya di-atas inisiatif kakitangan jabatan itu bagi mengutip dan mengumpulkan jumlah derma yang di-sebutkan. Gambar chsan DBP Bahagian Penyelidikan.

3 warder balek dari berkursus

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Tiga orang Warder dari Jabatan Penjara telah balek daripada Singapura dengan kapal terbang minggu lalu, sa-telah menjalani kursus lathan di-sana sa-lama 3 bulan. Mereka itu ia-lah: Awang Japur bin Lahap, Bakar bin Jaludin dan Tajuddin bin Saban.

Sa-masa berada di-Singapura mereka mengikuti kursus memperbaharui dan mengulangi pengetahuan (Reference Course) seperti undang2 Penjara, lathan pemeliharaan dan disiplin orang2 banduan dan kanak2 nakal, dan kewajipan serta tanggung-jawab sa-bagai sa-orang Warder.

Di-samping itu mereka juga menerima lathan menggunakan senjata, berbaris dan chara2 mempertahankan diri, serta membuat lawatan sambil belajar di-penjara2 dan tempat2 tahanan budak2 nakal yang di-bawah arahan Jabatan Penjara Singapura.



HUBONGAN RAPAT ANTARA IMAN DAN AMAL

IMAN dan amal itu mempunyai hubungan yang sangat rapat di-antara satu sama lain. Umpama-nya iman akan ada-nya hari akhirat, hari pembalasan yang adil, tentu akan mendorong untuk berbuat baik yang sa-banyak2-nya dan menjauhi kesalahan dengan sa-boleh2-nya. Ini-lah yang di-namakan iman yang sempurna, ia-itu apabila ia tersebut dengan amalan, dan amalan itu pula sa-mata2 kerana Allah, tidak berchampur adok dengan ria atau kerana lain2 sa-lain Allah. Sebab itu dapat di-umpamakan bahawa iman yang tidak melahirkan amalan, sama dengan pohon yang tidak berbuah. Sebak-nya juga, amal yang tidak ber-sendikan iman, sama sa-bagai tubuh yang tidak bernyawa. Iman itu akan subur di-dalam jiwa apabila sentiasa di-sirami dengan ayer amalan. Firman Allah s.w.t. yang kira2 maksud-nya:

"*Sesungguh-nya orang2 yang beriman itu ia-lah mereka yang perhayakan Allah dan Rasul-Nya, kemudian itu mereka tidak ragu2, dan mereka berjuang di-jalan Allah dengan harta dan jiwa. Mereka itu-lah orang2 yang benar.*" (Al-Hujarat ayat 15).

Iman yang sa-benar2-nya bukan-lah sekadar perchaya menurut rukun iman sa-mata2, bahkan mesti-lah sa-jalan dengan pengakuan li-dah, ia-lah perbuatan ang-gota. Pengaruh iman meng-gerakkan segala anggota mengerjakan amalan2, men-jadikan orang suka dan me-rasa lazat berkorban kerana Allah, senang dan tidak per-nah mengeloh. Jiwa jadi kuat dan besar, tidak boleh di-tundukkan. Orang beriman tidak pernah terkejut dengan kebesaran dunia, kerana Allah itu maha besar. Orang beriman tidak hairan dengan kuasa dan kekayaan, kerana Allah itu maha berkuasa lagi maha kaya.

Apabila perasaan yang sa-umpama ini ada di-dalam jiwa sa-scorang, maka itu tanda-nya pengaruh iman sudah lekat dan hidup. Dan di-antara tanda2 pengaruh iman itu hidup, ia-lah ter-buka-nya mata hati kita ka-pada kebenaran, dan tertutop-nya kepada segala yang batal

dan maksiat. Dan ini-lah juga yang di-namakan hida-yat daripada Allah atau per-tunjuk kepada orang yang beriman itu, sa-bagaimana hal ini di-tegaskan oleh Allah dengan firman-Nya yang kira2 bermaksud:

"*Dan siapa yang beriman kepada Allah, neschaya akan di-tuntun (di-tunjuk) oleh Allah hati-nya ka-pada kebenaran.*" (Al-Tagabun ayat 11).

Sebak-nya, orang2 yang tidak beriman itu, buta mata hati mereka dan gelap panda-ngan batin-nya, sa-hingga ti-dak nampak bagi-nya jalan yang lurus yang hendak di-lalui. Mereka meraba2 dalam gelap. Bukan sahaja gelap di-dunia bahkan juga gelap di-akhirat, sa-bagaimana firman Allah dalam surah Al-Isra' ayat 72 yang bermaksud kira2:

"*Dan siapa yang buta (ti-dak beriman) di-dunia ini, neschaya di-akhirat*

juga dia buta dan bahkan lebih sesat lagi jalan-nya."

KHUTBAH JUMAAT



Apa-kah yang dapat di-fa-hamkan dari ayat tersebut di-atas, tentu-lah "buta" dan "sesat" itu sa-malang2 nasib yang menimpa manusia. Ke-rana dengan ketiadaan peng-lihatan, baik penglihatan mata kasar mahu pun keti-adaan chahaya hati dan fiki-ran, atau lebih2 lagi bila kedua2-nya sekali, ada-lah suatu kehilangan yang tidak boleh di-perbaiki, suatu pe-nyakit yang memberi pende-ritaan yang berkekalan ka-pada manusia. Oleh hal yang demikian itu, mari-lah sama2 kita berdo'a mudah2an Allah senentiasa tetapkan iman kita, dengan kita sendiri terus pula berusaha pada memu-pok dan memelihara-nya me-lalui amalan2 orang yang beriman yang sejati, sa-mata2 kerana Allah, demi menda-patkan keampunan dan ke-redhaan jua.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 12hb Januari, 1977 hingga ka-hari Selasa 18hb Januari, 1977 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
12hb Jan		12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16 6.33
13hb Jan		12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16 6.33
14hb Jan		12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16 6.33
15hb Jan		12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16 6.33
16hb Jan		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18 6.35
17hb Jan		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18 6.35
18hb Jan		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18 6.35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu. Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

SAFE TO EAT

The three brands of canned fish namely Cheery Star, King Cup and Three Diamonds, the sale of which was recently prohibited, had been pronounced safe for human consumption.

The Medical Officer of Health Dr. (Mrs.) P. Durayappah who announced this in a statement said results on samples sent to Singapore revealed that these brands of fish were safe to eat and had now been released for sale to the public.

The ban on the sale followed a news report that the three brands of fish contained lethal quantities of arsenic.



Patrol Boat

The Royal Brunei Marine Police has put into service another fast patrol boat (left).

The 36-foot long boat was named "PDB SEJAHTERA" by Datin Hajjah Zahrah binte Haji Idris, wife of the State Secretary the hon'ble Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz Umar, at a launching ceremony held at Muara last week.

The ceremony was attended by the Commissioner of Police Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, senior police officers and their wives.

The new boat, costing \$30,000 was built by a shipping firm in Singapore. The Marine Police now has five patrol boats including one that is 56 feet long.

It also is due to take delivery of another 56-foot long patrol boat which will be launched in Singapore at the end of next month.

RANCHANGAN MINGGU INI

TV BRUNEI reserves the right to alter programmes as necessary. Finalised telecast details will appear in our daily programme summaries.

WEDNESDAY 12 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Lost in Space — "Castles in Space"
- 6.31 pm Azan
- 6.35 pm Lost in Space — cont'd.
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm The Sweeney Ep. 15. "Supersnout"
- 8.00 pm Hogan's Heroes — "How to Cook a German Boose by Radar"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Dunia Minggu Ini
- 9.15 pm Kung Fu — "One Step to Darkness"
- 10.05 pm Show of the Week: "They Sold A Million with Vince Hill"
- 10.50 pm Close Down.

THURSDAY 13 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Voyage to the Bottom of the Sea — "Sealed Orders"
- 6.31 pm Azan
- 6.35 pm Voyage to the Bottom of the Sea — cont'd.
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm The Magician — "The Illusion of Evil Spikes"
- 8.00 pm Pot Black
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Hidayat
- 9.15 pm The Protectors — "Dragon Chase"
- 9.45 pm The Virginian — "Big Tiny"
- 11.00 pm Close Down.

FRIDAY 14 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran

- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Murai
- 6.31 pm Azan
- 6.35 pm Milton The Monster — "Monster Sitter"
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm The Rolf Harris Show
- 8.00 pm The Odd Couple — "Big Brother"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Komentar
- 8.55 pm Mutika
- 9.20 pm Documentary: "Mongolia: The City of the Steppes"
- 10.13 pm Mystery Movie: Madigan "Manhattan Beat"
- 11.45 pm Close Down.

SATURDAY 15 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Sesame Street
- 6.31 pm Azan
- 6.35 pm Sesame Street—cont'd.
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm Cannon — "The Man Who Died Twice"
- 8.00 pm Get Some In — Ep. 5
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Suami Isteri
- 9.30 pm Star Soccer
- 10.20 pm Saturday Movie: United Artists — "Big Country"
- 11.50 pm Close Down.

SUNDAY 16 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Vision On
- 6.22 pm Dr Who — "Death of the Daleks" Ep. 2
- 6.32 pm Azan
- 6.36 pm Dr Who — cont'd
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm Six Million Dollar Man
- 8.00 pm Survival — "War of the Roses"

- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Temasha Irama No. 7
- 9.15 pm Space 1999 — Ep. 3. "One Moment of Humanity"
- 10.05 pm Armchair Theatre — "Whatever Became of Me"
- 11.00 pm Close Down.

MONDAY 17 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Swiss Family Robinson — "Jane Lafitte Pt. 2"
- 6.32 pm Azan
- 6.36 pm Swiss Family Robinson — cont'd.
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm Emergency
- 8.00 pm I Dream of Jeannie "Who's Got Jeannie Pt. 1"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Serikandi
- 9.15 pm Hawaii Five O — "Goodnight Baby, Time to Die"
- 10.05 pm Thriller
- 11.20 pm Close Down.

TUESDAY 18 JANUARY

- 5.45 pm Opening/Programme Summary
- 5.48 pm Koran
- 6.00 pm News Headlines
- 6.02 pm Sesame Street
- 6.32 pm Azan
- 6.36 pm Sesame Street—cont'd
- 7.00 pm English News
- 7.10 pm Mission Impossible — "Crack Up"
- 8.00 pm The Monkees "The Monkees Paw"
- 8.30 pm Warta Berita
- 8.45 pm Selayang Pandang
- 9.15 pm Kojak "No Immunity for Murder"
- 10.05 pm Cash and Company "Happy Christmas"
- 11.00 pm Close Down.

SESSION ENDS

THE Legislative Council ended its 14th. session on Thursday last week after meeting for a total of ten days since its official opening on December 20th.

During the meeting the Council approved the Budget for 1977 totalling \$837 million including \$150 million for the Development Fund.

It also adopted a separate resolution to apply a sum of \$144,082,327 million from the Development Fund for various services and departments.

The Council also passed thirteen Bills. Four of the Bills were:

The Common Gaming Houses (Amendment) Enactment, 1976, The Road Traffic (Amendment) Enactment, 1976, The Post Office Savings Bank (Repeal) Enactment, 1976 and the Road Traffic (Amendment) Enactment, 1976.

The first enactment was moved by the Attorney-General, the hon'ble Pehin Orang Kaya Laila Kanun Diraja Dato Laila Utama Awang Idris Talog-Davies and aimed at stamping out gambling in the State.

It enabled a Senior Police Officer not below the rank of Assistant Superintendent to issue a search warrant to enter premises.

Under the enactment any person found to be aiding or running a gaming house or a public lottery would be liable on conviction to imprisonment for a term not exceeding twelve months or a fine not more than five thousand dollars or both.

It also empowered the Court to order any fine or part of a fine to be paid to an informer as a reward.

The second enactment, also tabled by the Attorney-General, gave legal powers to find out who was the driver of a motor vehicle alleged or suspected to have committed an offence under the Road Traffic Enactment or the Regulations. Such powers were not expressly conferred by the previous Road Traffic Enactment.

The third enactment was presented by the State Secretary, the hon'ble Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz Umar for purpose of abolishing the Post Office Savings Bank which had ceased to perform any useful function owing to the presence in the State of several commercial banks. Provision was being made for the refund to depositors.

The fourth enactment was moved by the hon'ble Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lieutenant-Colonel Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud and aimed at halting the use of private cars, which were licenced for pleasure and social purposes, as pirate taxis.

RABU

KHAMIS

JUMAAT

SABTU



Lagu2 pilchan Danyang Noralam akan dapat awda dengar melalui ranchangan tersebut pada pukul 5.03 petang hari Isnin, 17hb. Januari, 1977 ini.

AHAD

BAHAGIAN INGGERIS

WEDNESDAY

THURSDAY

FRIDAY

SATURDAY

ISNIN

SELASA

Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan ilahi, Waktu2 Sembahyang: 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh hiboran sambil sarpan; 7.30 — Sarahan Urama (SU); 7.45 — Persembahan Instrumental; 8.00 — Arena Wanita (SU); 8.30 — Dendang Antarabangsa; 9.00 — Rampaian London (SU); 9.15 — Hiboran pilihan; 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Irama pilehan; 10.30 — Serbanika persembahan (SU); 11.00 — Pusparagam; 11.30 — Majallah Radio (SU). **TENGGAH HARI:** 12.00 — Rampaian tengah hari; 12.15 — Cheramah minggu ini (SU); 12.23 — Suara Azan untuk Dzohor; 12.45 — Warta Berita; 1.00 — Pelajaran dewasa di-udara (SU); 1.30 — Hiboran menjelang rehat; 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. **PETANG:** 5.02 — Arena sokan (SU); 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Hiboran rampaian; 6.15 — Lagu2 Instrumental; 6.35 — Suara Azan untuk Magrib dan bacaan Al-Quran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Review berita minggu ini (SU); 7.30 — Untuk kaum tani; 7.47 — Suara Azan untuk Isha; 8.00 — Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Pelajar di-bumi bertuah; 9.00 — Permintaan pasokan Pulis Diraja; 9.30 — Bisikan sukma (SU); 10.00 — Rengkasana Berita, di-ikuti oleh pimpinan ilahi; 10.10 — Senandung Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

SUNDAY

MONDAY

TUESDAY

TUESDAY AM: 6:58 — Opening Announcement; 7:00 — News (BBCWS Relay); 7:10 — Local News; 7:15 — Musical Hour; 8:15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8:30 — Close Down. 11:00 — Opening Announcement — Housewives Special. NOON: 12:00 — Be My Guest (Repeat). PM: 12:30 — News; 12:45 — Higher and Faster; 1:00 — Close Down. 8:00 — Opening Announcement — “Emmylou Harris and the Hot Band” — Side 2; It’s All Yours — produced by Veronica Shim; 3:00 — The Glums; 9:15 — News; 9:30 — Hello Tomorrow; 10:00 — Moledy Time; 10:30 — Close Down.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-JABATAN PENERBANGAN AWAM

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai yang terdiri dari rakyat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

1. PENOLONG PEGAWAI YANG MENGUASAI LALU LINTAS UDARA:

Calon2 mesti-lah: (a) mempunyai Sijil 'Am Pelajaran (Peringkat Biasa) Brunei Cambridge atau kelayakan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab atau Fizik; (b) fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris; (c) berumur antara 18 hingga 25 tahun; dan (d) mempunyai darjah kesihatan yang memenuhi syarat2 ICAO bagi Pegawai2 Kawalan Trafik Udara. Sa-baik2-nya mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal2 penerbangan. Keutamaan akan di-beri kepada calon2 yang mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan atau Sijil 'Am Pelajaran (Peringkat Lanjutan).

Gaji: Dalam sukatan gaji D3 — \$490x25-615. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PELUANG Kenaikan Pangkat:

Calon2 yang berjaya akan di-lantik mula2 dalam perhubungan sa-lama tiga tahun dan di-kehendaki lulus pepeiksaan jabatan sa-belum di-tetapkan dalam jawatan mereka dalam perjawatan tetap. Peluang yang baik terbuka kepada mereka untuk di-naikkan pangkat ka-peringkat Pegawai Pengawal Lalulintas Udara yang akan meliputi lathen sebarang laut.

3. PEMERHATI KAJICHUA-CHA:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau sijil Peperiksaan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang telah lulus Sijil 'Am Pelajaran (Peringkat Biasa) Brunei Cambridge atau kelulusan yang sebanding dengan-nya. Hanya mereka yang berumur antara 18 hingga 25 tahun di-kehendaki memohon.

Tempoh Perhubungan dan Tugas2:

Calon yang berjaya akan di-lantik dalam perhubungan sa-lama tiga tahun. Sa-belum menamatkan tempoh perhubungan ini sa-seorang pegawai itu di-kehendaki lulus pepeiksaan rendah

Kajichuacha. Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk bertugas sa-ahara bergilir2 sa-panjang waktu Lapanganterbang Antarabangsa di-gunakan.

Gaji: Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4 — \$290 x 10-350x15-440-490 x 25-615/EB/670x20-790. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

3. KERANI PENERANGAN PENERBANGAN:

Kelayakan2: S.A.P. Peringkat Biasa. Pemohon2 mesti-lah fasih menulis dan bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Perlu mempunyai suara microphone yang baik.

Calon2 akan di-uji menentukan kesesuaian mereka bagi jawatan yang tersebut di-atas.

Gaji: Dalam sukatan gaji D.2 EB.3 — \$350x15-440/EB/490x25-615. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman. Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb Februari, 1977.

TENDER NOTICE

LOT 25

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tender Boards at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 1.00 pm on 22nd January, 1977 for the following unserviceable vehicles.

Truck Land Rover 1 Ton Qty 2

Bus Bedford 42 Seater Qty 1 (Minus Engine)

Truck Conservancy Bedford Qty 1

2. Tenders received after this time will be rejected.

3. Vehicles may be viewed in RSSD Logistics Compound Bolkiah Camp until 11.00 am 21st January, 1977.

4. Tenders must be placed in plain sealed envelopes. There must be no indication of the name of the tenderer.

5. Envelopes must be addressed to the Chairman Tender Board, the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Office Bandar Seri Begawan and must be clearly marked on the top of the envelope with the Lot Number (Lot 25 RBMR).

6. Any tender received in an envelope not properly addressed will be rejected.

7. Vehicles are offered for sale "As Lying" and must be removed from present site by successful tenderer within 14 days of notification.

8. The Government does not bind itself to accept the highest or any tender.

ELECTRICAL INSTALLATION TO COLLEGE COMPLEX AND LIBRARY SIXTH FORM CENTRE — PHASE III, JALAN GADONG, BRUNEI

REGISTERED Class 'A' Air Conditioning Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Service to College Complex and Library, Sixth Form Centre — Phase III, Jalan Gadong, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 14, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 10th January, 1977 onwards during normal office hours. The tender deposit of B\$1,000.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

PEGAWAI BERTAULIAH AMDB

ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI menawarkan pemuda2 di-Brunei pekerjaan yang menantang dan yang berharga sa-bagai pegawai biasa bertauliah dalam pasukan ini. Pasukan ini sedang berkembang dan ia-nya menghendaki pemuda2 untuk di-lathen dalam berbagai2 bidang kemahiran yang menarek. Ia-nya menghendaki pegawai2 dan pegawai2 yang di-lathen dalam berbagai2 bidang seperti penerbangan, pelayaran, persenjataan, kejuruteraan, juruteknik. Jika kamu mempunyai kelayakan2 pelajaran, pasokan ini boleh membantu kamu untuk di-lathen dalam bidang2 tersebut.

Kami yakin bahawa kamu akan menerima tawaran ini sa-bagai satu chabaran. Jika demikian, memohon-lah untuk di-temu-duga yang akan di-jadualkan di-adakan pada bulan Mach 1977. Sa-seorang pemohon hendak-lah menghantar permohonan bertulis kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhemahan Berakas dan permohonan2 hendak-lah sampai kepada-nya tidak lewat dari 31hb Januari 1977.

Bagaimana pun, pehak kami memerlukan kamu dapat memenuhi syarat2 yang berikut bagi membolehkan memasok-nya:

a. Pemohon2 mesti-lah di-lahirkan di-Negeri Brunei dan rakyat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang biasa di-terima sa-bagai orang2 Melayu dari kaum jati puak2, Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

b. Jika sa-seorang pemohon bukan dari kaum jati puak2 itu, mereka mesti-lah beragama Islam dan bersedia dengan adat istiadat Melayu yang di-amalkan di-Brunei dan rakyat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan oleh sebab sa-barang undang2 bertulis yang berhubung dengan kebangsaan.

c. Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan V Sekolah Inggeris dalam tahun 1976.

d. Berumur di-antara 17½ hingga 25 tahun pada 10hb Mach 1977 dan maseh bujang.

e. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang dari 105 paun.

Jika kamu di-terima sa-bagai Pegawai Kadet, pemohon2 akan menjalani lathen asas tentera di-Perkhemahan Bolkiah sa-lama enam hingga sembilan bulan. Mereka akan di-hantar keluar negeri tertaklok kepada tamat lathen dengan jayanya, untuk lathen lanjut sa-belum menerima tauliah sa-bagai sa-orang Pegawai Pasokan itu.

Jika kamu memerlukan sa-barang maklumat sila-lah berhubung terus kepada DAAG, Askar Melayu Diraja Brunei, nombor talipon 5581 sambongan 194.

TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan Brunei from established sliding door specialists up to 12.00 noon on Tuesday, 8th February, 1977 for: —

THE DESIGN, FABRICATION AND INSTALLATION 45 NOS. SLIDING DOORS FOR THE PROPOSED WAREHOUSES AT MUARA, BRUNEI.

2. Tenders received after the above stipulated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name or address of the tenderer on the envelopes.

4. Tender documents can be examined at and obtained from Messrs Contract Services Consultants, Room 32-33, 4th Floor, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours. The tender deposit required is B\$200.00 and this is

refundable to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all documents in good condition.

5. Tenders shall be submitted on the forms provided.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the undermentioned item to the Royal Brunei Malay Regiment: —

TOOLKIT VEHICLE MECHANIC BASIC COMPLETE — (Quantity 45 kits (Gordon Toolkit CLK 100 AMW, plus 8 items).

A consolidated contents list is available and a sample may be viewed at the Regimental Logistics Depot, Berakas Camp, between 09.00 and 10.00 a.m. daily from 3rd-7th and 10th-14th January, 1977.

Delivery is required within 14 days of notification of success of tender. The tender is to state price and delivery time.

Tenders are to be submitted to the Chairman, Brunei Tenders Board, Bandar Seri Begawan by 12.00 midday 1st February, 1977.

STATE STORES AND SUPPLIES DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 1/77

MARINE CARGO INSURANCE FOR GOVT RICE SHIPMENT

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon Tuesday 25th January, 1977 for above-mentioned.

2. Details regarding requirements for the Insurance cover are obtainable from the office of the Controller of Government Stores, Jalan Gadong, Brunei.

PLACE OF DETENTION JERUDONG BRUNEI TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board, Brunei at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Brunei up to 4.00 p.m. on Thursday 27th January, 1977, for "UNCOOKED RATIONS". Tenders are invited to supply of "UNCOOKED RATIONS" for DETAINEES of Place of Detention Jerudong Brunei from 1st April, 1977 to 31st March, 1978.

1. Beras (rice)	per lb
2. Ikan Hidup/Undang No. 1 atau No. 2 (Fresh fish/prawns)	per lb
3. Daging Kerbau	per lb
4. Ayam (Bersehu Bulu) Dressed Chickens	per lb
5. Sayor Daun (Sawi, Bayam, Lobak, Kangkong dan lain2)	per lb
6. Sayor Buah (Kachang Panjang, Kachang Bonches, Petola, Labu Manis dan lain2)	per lb
7. Ubi Kentang	per lb
8. Roti Paun	per lb
9. Telor Ayam	each
10. Buah2an (Fresh Fruits)	each
11. Kopi (Chap Bas)	per lb
12. Teh (Lipton)	per lb
13. Susu Manis (Milkmaid)	per lb
14. Susu Powder (Everyday)	per lb
15. Horlicks	per lb
16. Mentega (Golden Churn) 1 lb Tin	per lb
17. Jam (1 lb Bottle)	per lb
18. Kaya	per lb
19. Gula (Gula Puteh) Sugar	per lb
20. Minyak Makan (Coconut Oil)	per lb
21. Garam (Salt)	per lb
22. Asam	per lb
23. Rempah Serbok	per lb
24. Rempah Kunyit	per lb
25. Chili Hidup	per lb
26. Chili Kering	per lb
27. Bawang Merah	per lb
28. Bawang Besar	per lb
29. Kachang Hijau/Ubi Manis atau lain2 jenis Ubi)	per lb
30. Kelapa Tua (Coconut)	each
31. Rokok 555 (10 Batang)	per packet
32. Machis	per packet

Tenders received after this date will be rejected.

The quality and quantity of rations supplied must be to the satisfaction of the Superintendent, Place of Detention Jerudong, if not to his satisfaction, then the rations must be returned to the Contractor and replaced by their equivalent or better at the original price, meat and fish should not include bones and the meat should not be injected with water.

The Superintendent, Place of Detention Jerudong, will issue instruction on amount or rations required each evening. All rations should be delivered daily at the Place of Detention Jerudong not later than 7.00 a.m.

The contract may be terminated by either side giving one month notice in writing. Tenders must be placed in a plain envelope must be no indication on the cover of the tender. The cover must be addressed to the Chairman Tenders Board Brunei at the address given in para 1 above.

Tenders deposit will be \$100.00 to be paid into the State Treasury, Brunei and receipt to accompany the tender.

Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.



Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Husain.

MEMUPOK DAN MENYATU-PADU SEMANGAT PIMPINAN BELIA — Pehin Husain

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tujuan Seminar Pemimpin Belia yang telah dianjurkan ini ada-lah sa-mata2 bagi memberikan pengalaman, melatoh para belia terutama sa-kali kepada pemimpin2 belia dalam negeri ini, sambil itu dapat-lah pula inemupok dan menyatupadukan semangat ahli2 pemimpin belia serta mengumpulkan para pemimpin belia yang terlatah daripada daerah2 supaya menggerakkan tenaga dan bertukar2 fikiran, pengalaman dan kemajuan sosial untuk negeri ini.

Dalam seminar ini juga permulaan-nya telah di-adakan orientasi supaya memberikan peluang kepada peserta2 belia dalam seminar ini mengenalkan diri mereka kepada semua peserta di-mana dalam bidang ini tiap2

peserta itu akan menerangkan diri-nya, tugas2 serta kerja2 dan dari persatuan yang di-wakili-nya.

Ini telah di-terangkan oleh Pengarah Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Husain, ketika menyampaikan ucapan-nya di-pembukaan rasmi Seminar Pemimpin Belia, yang telah di-langsungkan di-Dewan Pusat Belia di-sini, pada hari Ahad lepas.

Seminar Pemimpin Belia anjoran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dengan kerjasama MBB ini merupakan seminar yang julong2 kali dianjurkan oleh jabatan tersebut, telah di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji

Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Menurut Pehin Husain lagi bahawa pengalaman dan kemahiran serta tanggungjawab para belia yang terlatah di-negeri ini dan juga di-Tenggara Asia ada-lah sangat2 berkurangan. Pengalaman dan kemahiran itu ada-lah di-kehendaki, kerana tenaga belia yang terlatah itu akan memikul serta menanggung tanggungjawab yang berat terutama sa-kali boleh menunjukkan beberapa kecekapan sa-bagai lanjutan akan dapat di-berikan dalam latehan seminar ini, jelas-nya.

"Seminar sa-umpama ini ada-lah sa-bagai satu perhubungan bagi merantis jalan menuju ka-matalamat yang di-hajati, ia-itu supaya belia bergerak dan bertanggungjawab, yang juga menjadi tema seminar ini," jelas Pehin Husain lagi.

Pelita Brunei di-fahamkan bahawa seminar yang sedang berjalan sekarang akan berlangsung sa-lama sa-minggu, di-mana enam kertas kerja akan di-bincangkan. Seminar tersebut di-bahagikan kepada tiga bengkel.

Sa-belum ini pihak Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan pernah menganjorkan beberapa perjumpaan, kursus serta majlis2 perbincangan kepada para belia tanah ayer dan badan2 belia di-negeri ini; di-samping itu para pemimpin belia kita telah pun pernah menghadiri seminar2, kursus2 dan persidangan2 di-luar negeri, sama ada yang di-biayai oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, pihak penganjur atau sa-chara perseorangan.

"PDB SEJAHTERA" DI-LANCHAR

MUARA. — Sa-buah lagi kapal peronda Pasokan Laut Polis Diraja Brunei yang berukuran 36 kaki telah di-lancharkan perkhidmatan-nya di-Pengkalan Pasokan Laut Polis di-sini petang Isnin minggu lalu.

Perasmian pelancharan kapal peronda tersebut telah di-lakukan oleh Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris, isteri Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Kapal yang berharga \$30,000.00 itu dan yang kelima bagi Pasokan Laut Polis Diraja telah di-namakan sa-bagai 'PDB Sejahtera'. Satakati ini pasokan tersebut telah memiliki sembilan buah kapal ronda dan motor peronda antara-nya lima buah kakal — sa-buah dari-nya berukuran 56 kaki dan empat buah motor sangkut.

Ada-lah di-fahamkan sa-buah lagi kapal peronda yang berukuran 56 kaki akan juga di-mileki oleh pasokan itu pelancharan-nya akan di-rasmikan di-Singapura lewat bulan Februari depan.

Pasokan Laut Polis Diraja Brunei ada-lah sa-buah pasokan yang baru di-tubuhkan kira2 sa-tahun lalu dan pasokan ini di-pertanggungjawabkan bagi mengawal keselamatan perayeran pantai dan telok Brunei di-samping Pasokan Angkatan Laut Askar Melayu Diraja Brunei.

Turut hadir dalam majlis pelancharan hari itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei dan isteri serta pegawai2 kanan Polis Diraja Brunei.



Kelihatan Datin Hajjah Zaharah sedang menaborkan beras kuning ka-atas kapal peronda 'PDB Sejahtera', di-sisi beliau ia-lah Pesuruhjaya Polis Brunei, YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya.

MMPSBS dan SM. ARAB LULUS SA-RATUS PERATUS dlm SRPB/76

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,337 orang penuntut dari sekolah2 Kerajaan, Misi dan China yang menduduki Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei tahun 1976 telah berjaya dalam peperiksaan tersebut dari jumlah yang menduduki sa-ramai 2,813 orang dalam aliran Melayu dan Inggeris.

Dari jumlah itu sa-ramai 1,004 orang chalon sekolah dalam aliran Inggeris di-seluruh negeri telah berjaya mendapat pangkat pertama, kedua dan ketiga, sementara sa-ramai 247 orang pula lulus dalam aliran Melayu.

Sekolah St. Angela Convent, Seria telah menchatit jumlah tertinggi dalam peratus yang lulus dengan 82.22% dari sekolah2 lain ia-itu sa-ramai 37 orang lulus dari 45 chalon menduduki.

Sekolah St. John's pula menchatit tempat kedua peratus yang lulus ia-itu 68.89% (31 orang lulus dari 45 chalon menduduki) sementara Maktab Anthony Abell menchatit tempat ketiga dengan 59.30% (118 orang lulus dari 199 chalon mendu-

doki).

Dalam aliran Melayu pula Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit serta Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan telah berjaya mendapat kelulusan 100% semua penuntut2-nya yang menduduki peperiksaan itu.

Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar mendapat tempat kedua dengan jumlah 79.07% (34 orang lulus dari 43 orang chalon menduduki) sementara 74.

07% lulus (40 lulus dari 54 chalon menduduki) bagi Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Dari jumlah 1,337 orang yang lulus itu — sa-ramai 640 orang mendapat pangkat pertama, 324 orang pangkat ketiga sementara 1,229 orang gagal. Ini menunjukkan 55.04% penuntut telah gagal sementara 44.96% saja yang lulus dalam semua chalon sekolah2 aliran Inggeris yang berjumlah 2,233 chalon.

Di-samping itu 43 orang mendapat pangkat pertama, 57 orang pangkat kedua dan 233 orang pangkat ketiga sementara 247 orang gagal. Dari jumlah 580 orang yang menduduki — 42.59% dari-nya gagal dan 57.41% lulus dalam semua sekolah2 aliran Melayu.

BERKURSUS KA-U.K.



Pengiran Abdul Hamid bin Pengiran Abas, sa-orang Penyunting di-Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan telah berlepas ka-England Jumaat lalu untuk mengikuti satu kursus latehan dalam perkhidmatan kerajaan sa-lama tiga bulan. Pengiran Abdul Hamid akan menjalani kursus mengenai akhbar dan penerbitan di-Yunit Latehan Seberang Laut, Pejabat Pusat Penerangan di-London.